



PTAR

“LIBRARY for ALL” ISSN : 2289-9537

UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

e-BULETIN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK

www.facebook.com/library.uitmwww.instagram.com/ptaruitmperpustakaanuitm.blogspot.my

Lawatan daripada BS Abdur Rahman Crescent University, Chennai, India



Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR)

menerima lawatan pegawai dari BS Abdur Rahman Crescent University, Chennai, India. Untuk makluman, objektif utama lawatan ini adalah untuk melihat PTAR secara dekat terutama memberi pendedahan kepada perdisamping ingin mengetahui perkhidmatan-perkhidmatan yang ditawarkan oleh PTAR kepada pengguna atau pelajar yang boleh menjadi satu penandaarasan untuk mereka di masa akan datang.

LAWATAN AKADEMIK PASCA SARJANA JURUSAN PENDIDIKAN SENI, UNIVERSITAS NEGERI YOGYAKARTA (UNY), INDONESIA

Oleh : Tuan Haji Ahmad Faizar Jaafar



Pada 6 September 2017, Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM , Shah Alam telah menerima kunjungan Pensyarah Akademik dan mahasiswa Pascasarjana Jurusan Pendidikan Seni, Universitas Negeri Yogyakarta, Indonesia dan satu taklimat telah diadakan di Bilik Seminar PTAR Utama. Kunjungan ini merupakan usaha awal pihak Universitas Negeri Yogyakarta, Indonesia dalam merangka kerjasama dengan Institusi Pendidikan Tinggi di Malaysia. Mereka terdiri dari 22 orang mahasiswa serta 2 orang Pensyarah iaitu YBhg. Prof. Dr Trie Hartiti Retnowati, M.Pd (Ketua Pascasarjana Jurusan Pendidikan Seni) dan YBhg. Prof. Djemari Mardapi Phd. Program ini adalah hasil kerjasama PTAR dan Institut Pemikiran dan Kepimpinan Melayu (IMPAK) UiTM



Tarikh: 6 September 2017 (Rabu)

Masa: 9.30 pagi

Pelawat: 22 Mahasiswa Pascasarjana Pendidikan Seni, Universitas Negeri Yogyakarta, Indonesia diiringi 2 orang Pensyarah iaitu YBhg. Prof. Dr Trie Hartiti Retnowati, M.Pd (Ketua Pascasarjana Jurusan Pendidikan Seni) dan YBhg. Prof. Djemari Mardapi P.hd. dan wakil IMPAK



LAWATAN ANTARABANGSA PELAJAR-PELAJAR DARI NEGARA CHINA

Oleh : Tuan Haji Ahmad Faizar Jaafar



Pada 16 Ogos 2017 (Rabu) yang lalu, Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR Utama) telah menerima kunjungan lawatan daripada pelajar-pelajar dari negara Cina. Rombongan seramai 21 orang pelajar hadir lawatan ke PTAR sempena The Final of English Readers of Silk Road International Talent Competition for Youth anjuran Akademik Pengajian Bahasa (APB) dan Office of International Affairs, (OIA) UiTM didalam Summer Program for Chinese Students 2017.

LAWATAN DARI PEGAWAI PUSTAKAWAN TEKNOLOGI DAN MAKLUMAT, PERPUSTAKAAN STIE PERBANAS SURABAYA



Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM telah menerima lawatan oleh Encik Dio Eka Prayitno, Pegawai Pustakawan Teknologi dan Maklumat, Perpustakaan STIE Perbanas Surabaya. Encik Dio memaklumkan bahawa pihak pengurusan Perpustakaan STIE Perbanas Surabaya berminat ingin menjalankan kerjasama dalam bidang perpustakaan.

TAKLIMAT LAWATAN KEPADA PELAJAR UNIVERSITAS AIRLANGGAR (UNAIR), SURABAYA INDONESIA.

Oleh : Tuan Haji Ahmad Faizar Jaafar



Pada 17 Julai 2017 satu taklimat lawatan kepada pelajar luar negara iaitu daripada Universitas Airlangga (UNAIR) Surabaya, Indonesia telah diadakan di Bilik Seminar PTAR Utama. Pelajar ini juga akan menjalani program Internship di Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) Shah Alam dari 17 Julai hingga 8 Ogos 2017. Mereka terdiri dari 8 orang pelajar Sarjana Muda serta seorang Pensyarah dari Jabatan Perpustakaan & Maklumat, Fakulti Sosial dan Sains Politik, Universitas Airlangga (UNAIR) Surabaya. Program ini adalah hasil kerjasama PTAR, OIA, Fakulti Pengurusan Maklumat (FPM) UiTM dan UNAIR, Surabaya, Indonesia.

LAWATAN AKADEMIK UNIVERSITI SELANGOR



Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM telah menerima lawatan dari Pelajar Unisel seramai 40 orang pelajar pada 15 Ogos 2017 yang lalu dengan diiringi seramai 3 orang Pensyarah iaitu Puan Hajah Norhairi, Puan Hajah Fadliyah dan Cik Irma Syuryani. Lawatan akademik ini bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar terutama pelajar Sains Perpustakaan tentang kerja-kerja Pembangunan Koleksi (Collection Development) serta prosedur kerja lain yang berkaitan dengan bidang Sains Perpustakaan. Para pelajar telah dibawa ke setiap Jabatan di Perpustakaan ini terutamanya di Bahagian Perolehan (Acquisition Unit) dimana mereka telah di terangkan proses yang dilakukan situ.

SAMBUTAN KEMERDEKAAN

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK OGOS 2017

Oleh : Puan Adlina Abdullah

Bulan Ogos merupakan bulan kemerdekaan Malaysia. Sempena bulan kemerdekaan pada tahun ini, Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) telah menganjurkan beberapa program aktiviti sambutan Kemerdekaan bagi sama-sama memeriahkan dan menyemarakkan bulan kemerdekaan



PAMERAN IKHTIAR HIDUP, USAHASAMA PALAPES UiTM DAN PTAR



Sempena sambutan Kemerdekaan Malaysia, Perpustakaan Tun Abdul Razak telah menganjurkan pameran usahasama dengan Pasukan Latihan Pegawai Simpanan UiTM (Palapes UiTM) di Galeri PTAR . Program ikhtiar hidup merupakan satu program yang menekankan ikhtiar dalam proses kelangsungan hidup ketika menghadapi ancaman. Pameran ini dapat memberi pendedahan dan kefahaman kepada pengunjung terutamanya tentang alat-alat yang telah digunakan untuk program ikhtiar hidup seperti jerat-jerat yang digunakan, tempat tidur (dangau), tempat memasak dan lain-lain. Pengunjung juga dibenarkan untuk berswafoto di ruang-ruang yang telah disediakan. Pameran ini akan berlangsung sepanjang Ogos dan September 2017.

BENGKEL PENGURUSAN MEDIA SOSIAL PUiTM SeMALAYSIA

Oleh : Tuan Haji Ahmad Faizar Jaafar



BENGKEL PENGURUSAN LAMAN WEB MEDIA SOSIAL PUiTM

- Tarikh : 15 – 16 Ogos 2017
- Masa : 8.00pagi – 5.00petang
- Tempat : Pusat IT , PTAR Utama
- Penyertaan : Professional & Pelaksana PUiTM



Objektif kursus ini diadakan bertujuan untuk;

- a) Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran bagi mengurus aduan dan maklumbalas di media sosial PUiTM.
- b) Memberi peluang kepada pengguna Perpustakaan berinteraksi dengan lebih mudah.
- c) Mengenalpasti masalah yang dihadapi dalam pengurusan dan penyelenggaraan media sosial Perpustakaan.



TAKLIMAT PENGURUSAN ASET DAN INVENTORI PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK

Oleh : Puan Nor Asiah Husin



Satu sesi Taklimat Pengurusan Aset dan Inventori telah diadakan pada 16 Ogos 2017 bertempat di Bilik Seminar PTAR Utama. Taklimat yang dianjurkan oleh Bahagian Pengurusan Bakat dan Dana, PTAR dihadiri oleh staf PTAR yang dilantik sebagai Pegawai Aset, Pegawai Penerima Aset, Penolong Pegawai Pemverifikasi Harta di setiap Jabatan/Bahagian PTAR serta Perpustakaan Fakulti. Taklimat disampaikan oleh Encik Mohamad Rahimi Aziz, Timbalan Bendahari, Bahagian Pengurusan Harta, Pejabat Bendahari UiTM. Antara objektif taklimat adalah untuk meningkatkan pengetahuan peserta mengenai proses pengurusan aset (harta modal) dan inventori supaya iaanya diuruskan dengan teratur dan kemaskini mengikut pekeliling-pekeliling dan peraturan kewangan yang berkuatkuasa. Adalah diharapkan dengan penganjuran taklimat ini semua staf yang terlibat dalam pengurusan aset di PTAR dapat mengetahui dengan lebih jelas tanggungjawab mereka serta menyedari kepentingan pengurusan aset dan inventori dari aspek nilai faedah terbaik.

JOM WAKAF BUKU

Oleh : Puan Sakmah Sarif

Warga UiTM dan sesiapa saja adalah dijemput/dialu-alukan untuk mewakafkan buku kepada PTAR. Buku-buku tersebut kelak akan menjadi sumber rujukan bagi menyokong proses pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan Universiti. PTAR amat menghargai kepada penama berikut yang telah mewakafkan buku kepada PTAR.

Tarikh	Penyumbang	Judul	Naskah
5 Julai 2017	Prof. Sr. Ir. Dr. Suhaimi Abdul Talib Mantan TNC Akademik	236	236
15 Julai 2017	Encik Mohd Amin Kadir Bahagian Perancangan Strategik dan Hal Ehwal Korporat. Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia	15	15
8 Ogos 2017	Puan Roslina Md Husin Bahagian Penyebaran Maklumat IDD Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara	17	17
10 Ogos 2017	Puan Fatimah Munirah Shafii	12	12



Kelihatan di dalam gambar, Prof. Dr. Prof. Sr. Ir. Dr. Suhaimi Abdul Talib, Mantan TNC Akademik bergambar bersama Puan Sakmah Sarif, Pustakawan Kanan Unit Hadiah dan Pesanan Tetap, PTAR Utama.

Kelihatan di dalam gambar, Encik Mohd Amin Kadir, wakil Bahagian Penyebaran Maklumat IDD Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara bergambar bersama Puan Sakmah Sarif, Pustakawan Kanan Unit Hadiah dan Pesanan Tetap, PTAR Utama

BULETIN TAZKIRAH BULAN OGOS


Oleh : Puan Adlina Abdullah



Tajuk: Qorban dan Aqiqah

Penceramah: Ustaz Mohd Adnan Mohd Yusof

Pengisian: Penceramah menerangkan sejarah berlakunya ibadah qurban bermula dari sejarah kisah nabi Ibrahim yang diperintahkan untuk mengorbankan anaknya Nabi Ismail untuk menguji keimanan hambanya. Penceramah juga menerangkan kaedah dan peraturan yang patut dilaksanakan dalam menunaikan ibadah Qurban berkenaan.



INTERNATIONAL CONFERENCE ON LIBRARIES 2017 (ICOL 2017)

Oleh : Puan Nurul Diana Jasni



P. PINANG, 3 Ogos 2017 – Bertempat di Hotel Vistana, P.Pinang, pada 2-3 Ogos 2017, Perpustakaan USM telah berjaya menganjurkan International Conference on Libraries 2017 (ICOL 2017) buat kali ke-6 bertemakan ‘Towards Lean Libraries’. Seramai 120 orang peserta telah menyertai persidangan ini dimana sebanyak 18 kertas kerja telah dibentangkan sepanjang dua hari persidangan ini berlangsung. Persidangan ini telah dirasmikan oleh Naib Canselor USM iaitu Professor Datuk Dr. Asma Ismail. Turut menyertai persidangan ini ialah En. Noor Hidayat Adnan, Ketua Pustakawan UiTM.

Mewakili Perpustakaan UiTM Cawangan Selangor sebanyak 2 buah kertas kerja berkaitan bidang kepustakawan telah dibentangkan iaitu:

- a) Puan Nurul Diana Jasni, Pustakawan Kanan PTAR UiTM Cawangan Selangor.
'Comparative Analysis of Reference Desk Services: The Current Trends in a Digital Age'
- b) Dr. Khasiah Zakaria, Timbalan Ketua Pustakawan Kanan PTAR UiTM Cawangan Selangor
'Dancing to the tune of Fourth Paradigm'



LAPORAN JAWATANKUASA KUMPULAN PERPUSTAKAAN PERUBATAN (MLG)

Oleh : Puan Nurul Diana Jasni

Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kumpulan Perpustakaan Perubatan (MLG) Bil. 1/2017 telah diadakan pada 27 Februari 2017 bertempat di Fakulti Perubatan and Sains Kesihatan, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). Seramai 16 ahli MLG telah hadir mesyuarat tersebut dimana Pn Nurul Diana Jasni (Pustakawan Kanan) mewakili Perpustakaan UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam dan Perpustakaan Kampus Perubatan UiTM Sg. Buloh telah diwakili oleh Pn. Rohana Mat Nor (Timbalan ketua Pustakawan Kanan) dan Cik Wan Rohani Wan Chin (Pustakawan) Mesyuarat telah berlangsung di Bilik Mesyuarat, Fakulti Perubatan and Sains Kesihatan bermula jam 9.00 pagi sehingga 4.00 petang. Untuk Produk Demo, MLG telah menjemput pihak Access Dunia untuk membuat pembentangan tentang produk mereka pada mesyuarat kali ini. Produk demo adalah berkenaan dengan uPub Sentral dan Browzine.



Pada sebelah petang, lawatan ke Perpustakaan Praklinikal, Muzium Anatomi & Patologi dan Pusat Khidmat Maklumat Akademik (CAIS) telah diadakan. Aktiviti lain yang diadakan sempena mesyuarat ini adalah lawatan ke Pustaka Negeri Sarawak pada hari Sabtu 25 Februari 2017 jam 3 petang. Seramai 6 ahli MLG telah mengikuti lawatan ini.

Agenda Mesyuarat: Mesyuarat Bil 1/2017

1. Kata-kata aluan pengurus
2. Meluluskan minit mesyuarat yang lalu
3. Perkara berbangkit
4. TOR MLG
5. Aktiviti tahun 2017
6. Demo produk oleh Access Dunia
7. Hal-hal lain
8. Lawatan ke Perpustakaan Perubatan UNIMAS



LAPORAN JAWATANKUASA KUMPULAN PERPUSTAKAAN PERUBATAN (MLG)

Oleh : Puan Nurul Diana Jasni

Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kumpulan Perpustakaan Perubatan (MLG) Bil. 2/2017 telah diadakan pada 30 Julai 2017 bertempat di Perpustakaan Hamzah Sendut, Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang. Seramai 22 ahli MLG telah hadir mesyuarat tersebut dimana Pn Nurul Diana Jasni (Pustakawan Kanan) mewakili Perpustakaan UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam dan Perpustakaan Kampus Perubatan UiTM Sg. Buloh telah diwakili oleh Pn. Rohana Mat Nor (Timbalan ketua Pustakawan Kanan) dan Cik Wan Rohani Wan Chin (Pustakawan). Mesyuarat telah berlangsung di Bilik Mesyuarat Perpustakaan Hamzah Sendut, bermula jam 9.00 pagi sehingga 5.00 petang.

Agenda Mesyuarat: Mesyuarat Bil 2/2017

1. Kata-kata aluan Pengerusi
2. Meluluskan minit mesyuarat yang lalu
3. Perkara berbangkit
4. Kemaskini Langanan Pangkalan Data
5. Serahan tugas Pengerusi MLG
6. Demo produk oleh Mc-GrawHill dan Access Dunia
7. Hal-hal lain
8. Lawatan ke Perpustakaan Perpustakaan Hamzah Sendut
9. Lawatan Rasmi ke Perpustakaan AMIST dan Penang Digital Library yang akan diadakan pada keesokan harinya, 1hb Ogos 2017 (Selasa).



Untuk Produk Demo, MLG telah menjemput pihak Access Dunia untuk membuat pembentangan tentang produk mereka pada mesyuarat kali ini. Produk demo berkenaan dengan pangkalan data u-Sentral dan demo produk Access Medicine oleh pihak Mc-Graw Hill. Pada keesokan harinya pula telah berjalan program lawatan penandaarasan ke AIMST Universiti, Sg. Petani dan Perpustakaan Digital Pulau Pinang.

Implikasi & Faedah

Melalui Jawatankuasa (MLG) ini pelbagai faedah serta perkongsian isu mengenai perpustakaan perubatan dapat dibincangkan oleh sesama ahli. Faedah utama yang diperolehi adalah melalui perkongsian sumber maklumat bahan perpustakaan jurnal elektronik dan ebook melalui perkhidmatan Inter-Library Loan. Ini sekaligus dapat menjimatkan perbelanjaan sumber elektronik disamping memenuhi kehendak pengguna yang memerlukan bahan tersebut dengan cepat dan pantas. Ahli juga dikehendaki melaporkan penggunaan pangkalan data perubatan yang dilanggar oleh perpustakaan disamping menganalisa dalam menilai langgaran pangkalan data itu perlu diteruskan atau tidak. Lawatan penandaarasan yang dilakukan selepas sesi mesyuarat tamat juga dapat membantu menambah baik perkhidmatan serta dijadikan tanda aras untuk dikongsi bersama oleh ahli apabila selesai mesyuarat dilakukan.

Adalah diharapkan hubungan baik serta jaringan kerjasama ini dapat diteruskan dalam memastikan peranan, misi dan objektif penubuhan Jawatankuasa Tetap Kumpulan Perpustakaan Perubatan ini dapat dicapai.

PAMERAN HARI KEMERDEKAAN

Oleh : Cik Wan Rohani Wan Chin



Pameran informasi dan video mengenai hari Kemerdekaan Malaysia ke 60 telah diadakan bagi menyambut kegemilangan hari tersebut.

PROMOSI: LIBRARY BINGO

Oleh : Cik Wan Rohani Wan Chin


Aktiviti promosi ‘Library Bingo’ ini diadakan bermula 3 Julai 2017 sehingga 20 Oktober 2017. Ianya terbuka kepada semua pelajar dan staf Kampus Kesihatan. Aktiviti ini adalah untuk memberi kesedaran dan mempromosikan kemudahan dan perkhidmatan perpustakaan kepada seluruh warga kampus. Pelbagai hadiah menarik menanti para pemenang.



KELAS KEMAHIRAN MAKLUMAT: KELAS LATIHAN ENDNOTE X8

Oleh : Cik Wan Rohani Wan Chin

Pada 2hb Ogos 2017, kelas latihan Endnote X8 telah diadakan bagi memenuhi permintaan pelajar Pasca Siswazah dan Pensyarah perubatan. Sesi kelas tersebut mengambil masa selama 2 jam dijalankan secara 'hands on' telah berjaya memberikan informasi, pengetahuan, panduan dan cara penggunaan Endnote X8.



PAMERAN BUKU & INFORMASI 'SLEEP DISORDER' & 'MENTAL HEALTH'

Oleh : Cik Wan Rohani Wan Chin



Pada 29hb Ogos 2017, pihak perpustakaan telah mengadakan pameran buku-buku dan informasi berkaitan 'sleep disorders' & 'mental health' sempena Seminar "THE LOST ART OF SLEEP: DISCOVERING PEACEFUL SLEEP SEMINAR" anjuran Unit Kaunseling.

LAWATAN PENANDAARASAN DI PERPUSTAKAAN PERUBATAN UKM, KUALA LUMPUR

Oleh : Cik Wan Rohani Wan Chin



Pada 29 hb Ogos 2017, pihak Perpustakaan kampus Sg. Buloh telah mengadakan lawatan penandaarasan di perpustakaan Perubatan UKM, Kuala Lumpur. Lawatan penandaarasan ini adalah bertujuan untuk mempelajari dan berkongsi amalan terbaik yang boleh diperaktikkan.

PAMERAN KEMERDEKAAN KE 60

PERPUSTAKAAN SULTAN BADLISHAH UiTM CAWANGAN KEDAH

Oleh: Puan Atirah Ruslan



Pameran ini telah berlangsung pada Ogos 2017. Antara maklumat yang dipaparkan adalah Amanat Merdeka 2016 oleh Perdana Menteri Malaysia, logo terbaharu kemerdekaan ke-60 dan biodata Perdana Menteri bermula dari Tunku Abdul Rahman Putra Al Haj sehingga Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak. Selain daripada pameran ini, bangunan PSB turut diceriakan dengan bendera-bendera Malaysia yang telah dikibarkan di luar bangunan PSB dan di setiap aras PSB.

LAWATAN AKADEMIK PERPUSTAKAAN SULTAN BADLISHAH

Oleh: Puan Atirah Ruslan



Pada bulan Ogos 2017, Perpustakaan Sultan Badlishah (PSB), UiTM Cawangan Kedah telah menerima kunjungan lawatan akademik daripada pelbagai sekolah menengah dan sekolah kebangsaan di sekitar Negeri Kedah yang telah melibatkan seramai 433 pengunjung.

KEMENANGAN KUMPULAN LUMINOUS KONVENTSYEN TEAM EXCELLENCE WILAYAH UTARA 2017

Oleh: Puan Atirah Ruslan



Kumpulan LUMINOUS daripada Perpustakaan Sultan Badlishah, UiTM Cawangan Kedah telah menyertai Konvensyen Team Excellence Wilayah Utara 2017 bertempat di Hotel Bayview Pulau Pinang pada 15-16 Ogos 2017. Konvensyen ini merupakan anjuran Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC).

Kumpulan LUMINOUS telah membawa projek yang bertajuk "**Alat Melengkapkan Fizikal Bahan Monografi**". Sebagai makluman, projek inovasi ini telah berjaya membolot pelbagai anugerah di dalam pelbagai pertandingan inovasi sebelum ini. Alhamdulillah, projek ini sekali lagi telah berjaya mendapat pengiktirafan EMAS di dalam Konvensyen Team Excellence Wilayah Utara 2017. Syabas dan tahniah kepada semua ahli Kumpulan Luminous!

PROGRAM PENGKISAHAN SEJARAH ASAL USUL JENGKA SEMPENA SAMBUTAN BULAN KEMERDEKAAN 2017

Oleh : Puan Nur Aqilah Russli

16 OGOS 2017 – Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar telah mengadakan Taklimat Arkib dan Rekod di Dewan Ibnu Sina, UiTM Seri Iskandar. Ketua Jabatan Arkib Universiti, Encik Ariffin Jamaludin serta Pustakawan Kanan, Encik Hazrul Mohd Hussin dan Pustakawan kanan, Encik Abdul Razak Abdul Rahman wakil daripada Jabatan Arkib Universiti telah memberi taklimat pengurusan arkib dan rekod serta lawatan ke bilik fail di unit/ bahagian UiTM Cawangan Perak. Taklimat tersebut disertai oleh semua wakil unit/bahagian UiTM Cawangan Perak. Tajuk taklimat yang diberikan adalah Pengurusan Arkib dan Rekod, Peranan Pegawai Rekod Jabatan (PRJ) / Pembantu Tadbir Rekod Jabatan (PTRJ) / Pendaftar Rahsia Pegawai Pengelas, Keperluan Penyediaan Bilik Fail / Rekod dan Pelupusan Rekod.



Objektif taklimat ini adalah menyelaras sistem pengurusan rekod universiti, melaksanakan sistem pengurusan fail yang sistematik mengikut prosedur yang ditetapkan oleh Arkib Negara Malaysia dan mempelajari kaedah menyelenggara dan melupuskan rekod mengikut dasar, prosedur dan standard yang ditetapkan. Peserta – peserta taklimat mendapat pendedahan awal tentang sistem pengurusan rekod universiti, perancangan arkib universiti di UiTM cawangan dan peranan dan tanggungjawab setiap pegawai yang menguruskan rekod.



PERTANDINGAN TREASURE HUNT

Oleh : Puan Nur Aqilah Russli

17 Ogos 2017 – Wakil Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) Cawangan Perak, Kampus Tapah telah menyertai Pertandingan *Treasure Hunt* sempena bulan Inovasi 2017, Universiti Teknologi MARA Cawanagn Perak. Objektif pertandingan ini adalah melahirkan warga UiTM yang aktif dan menimbulkan minat terhadap sukan, mewujudkan semangat kesukanan dan kerjasama berpasukan dikalangan warga UiTM, mewujudkan semangat perpaduan antara staf UiTM berbilang bangsa dan merapatkan silaturahim.



Pertandingan ini disertai oleh wakil staf PTAR Kampus Tapah iaitu Nur Aida Rousli (Pustakawan Kanan), Nur Aqilah Russli (Pustakawan), Mohamed Zaid Zainal Akhir (Pembantu Pustakawan) dan Mohd Amirul Hafidz Ahmad (Pembantu Pustakawan). Pertandingan *Treasure Hunt* tersebut mempunyai dua belas ‘Check point’ yang perlu dilalui oleh peserta termasuklah lukis clue, memasukkan air tasik dalam botol menggunakan tangan, teka gaya, mekap sambil tutup mata dan tiru tarian korea. Pertandingan ini dapat menguji ketahanan fizikal dan kecerdasan minda.



AUDIT EKSA (EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM) PTAR KAMPUS TAPAH

Oleh : Puan Nur Aqilah Russli

18 Ogos 2017 –Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) Cawangan Perak, Kampus Tapah telah diaudit EKSA (Ekosistem Kondusif Sektor Awam). MAMPU telah mengambil inisiatif untuk menambahbaik pelaksanaan Amalan 5S yang kini dijenamakan semula kepada Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA). Kriteria audit adalah persekitaran yang kondusif, imej korporat, kreativiti dan inovasi, pembudayaan amalan hijau, dan pengurusan fail dan informasi.



Audit EKSA ini juga sempena "Pertandingan Bilik Pejabat Contoh" Bulan Inovasi 2017 Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak. Antara inovasi yang dibuat oleh PTAR Kampus Tapah adalah Kotak Kitar Semula, Kotak Kad untuk pinjaman majalah dan tempahan bilik perbincangan serta Kotak Maklum Balas Kaunter.



MAJLIS PERASMIAN KEMPEN DERMA BUKU PTAR UiTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN

Oleh : En. Iskandar Zailan

Pada 11 Ogos 2017 yang lalu, Majlis Perasmian Kempen Derma Buku, Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Cawangan Negeri Sembilan telah diadakan di PTAR Kampus Kuala Pilah. Majlis ini telah dirasmikan oleh Prof. Madya Dr. Abdul Halim Ramli, Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik, UiTM Cawangan Negeri Sembilan. Turut bersama-sama hadir ke majlis ialah wakil daripada Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan dan Rumah Darul Asnaf, Tanjung Ipoh, Kuala Pilah. Di dalam majlis ini juga turut disampaikan penghargaan kepada penderma buku terbanyak mengikut kampus dan cabutan bertuah kepada tetamu. Pelancaran Kempen Derma Buku ini juga telah melibatkan ketiga-tiga kampus di UiTM Cawangan Negeri Sembilan.



TAYANGAN PERDANA FILEM “BUKIT KEONG” SEMPENA BULAN KEMERDEKAAN

Oleh : En. Iskandar Zailan

Pada 11 Ogos 2017, PTAR Kampus Kuala Pilah dengan kerjasama Unit Kebudayaan UiTM Kampus Kuala Pilah telah mengadakan program tayangan perdana, filem Bukit Kepong sempena bulan kemerdekaan. Tayangan perdana ini telah berlangsung di Ruang Bacaan aras 1 PTAR Kampus Kuala Pilah. Program ini terbuka kepada semua staf UiTM Cawangan Negeri Sembilan, kampus Kuala Pilah. Objektif program ini diadakan bagi memupuk rasa cinta kepada negara dan mengingati para perjuangan kemerdekaan negara.



DEKORASI DAN PAMERAN PTAR KAMPUS KUALA PILAH SEMPENA BULAN KEMERDEKAAN

Oleh : En. Iskandar Zailan

Sempena bulan kemerdekaan, PTAR Kampus Kuala Pilah telah mengadakan pameran yang bertemakan 'perjalanan sebuah kemerdekaan' yang berlangsung dari 1 Ogos 2017 hingga 8 September 2017. Pengisian pameran diambil dari keratan akhbar Berita Harian yang merakamkan peristiwa-peristiwa semasa awal kemerdekaan Malaysia, turut dipamerkan koleksi buku-buku mengenai Malaysia yang ada di PTAR Kampus Kuala Pilah. Disamping itu, warga PTAR Kampus Kuala Pilah turut bekerjasama untuk dekorasi memasang bendera di sekeliling PTAR.



PERTANDINGAN "SUARA MERDEKA" UiTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN KAMPUS KUALA PILAH

Oleh : En. Iskandar Zailan

Pada 11 Ogos 2017, PTAR Kampus Kuala Pilah dengan kerjasama Unit Kebudayaan UiTM Kampus Kuala Pilah telah mengadakan program tayangan perdana, filem Bukit Kepong sempena bulan kemerdekaan. Tayangan perdana ini telah berlangsung di Ruang Bacaan aras 1 PTAR kampus Kuala Pilah. Program ini terbuka kepada semua staf UiTM Cawangan Negeri Sembilan, kampus Kuala Pilah. Objektif program ini diadakan bagi memupuk rasa cinta kepada negara dan mengingati para perjuangan kemerdekaan negara.



SALAM PERPISAHAN KEPADA ENCIK AHMAD ZAHARI ROSLY

Oleh : En. Iskandar Zailan

Majlis perpisahan telah diadakan pada 22 Ogos 2017 yang di anjurkan PTAR kampus Kuala Pilah. Ianya bagi meraikan perpisahan staf iaitu En. Ahmad Zahari Rosly, Pembantu Pustakawan yang akan bertukar ke Perpustakaan UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin bermula pada 04 September 2017. Seluruh warga kerja PTAR UiTM Cawangan Negeri Sembilan mengucapkan ribuan terima kasih atas jasa khidmat semasa di PTAR kampus Kuala Pilah. Semoga terus berjaya di kampus baru.



PROGRAM GOTONG ROYONG @ PTAR KAMPUS SEREMBAN

Oleh : Cik Siti Hajar Zambri


Pada 16 Ogos yang lalu, Perpustakaan Tun Abdul Razak, PTAR Kampus Seremban telah mengadakan gotong-royong mengemas susun atur perabot di Aras 2 PTAR Kampus Seremban. Program ini telah disertai oleh semua warga PTAR Kampus Seremban. Program gotong-royong ini diadakan adalah untuk mengemas-kini susun atur kedudukan rak serta perabot yang lain untuk menarik minat para pelanggan PTAR Kampus Seremban khususnya. Program ini telah berjalan selama satu hari.



PROGRAM IKRAR BEBAS RASUAH UiTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN, KAMPUS REMBAU

Oleh : Cik Siti Hajar Zambri

Baru-baru ini telah berlangsungnya, Program Ikrar Bebas Rasuah UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau pada 9 Ogos 2017 yang lepas. Program ini telah dihadiri oleh semua warga Kampus Rembau. Perpustakaan Tun Abdul Razak, Kampus Rembau juga bersama-sama menghadiri program ini.



AKTIVITI KEMPEN DERMA BUKU 2017 DI KAMPUS REMBAU

Oleh : Cik Siti Hajar Zambri

Bersempena dengan Kempen Derma Buku Perpustakaan Tun Abdul Razak, PTAR Kampus Rembau telah mengambil inisiatif untuk mengedarkan brosur kempen tersebut ke beberapa buah sekolah di sekitar Rembau pada 18 Ogos 2017 yang lalu. Aktiviti ini diadakan adalah sebagai salah satu promosi bagi Kempen Derma Buku kepada komuniti di kawasan Rembau.



PERSIAPAN SAMBUTAN KEMERDEKAAN DI KAMPUS REMBAU

Oleh : Cik Siti Hajar Zambri

Bersempena dengan bulan kemerdekaan, pada 19 Ogos 2017, PTAR Kampus Rembau telah membuat persiapan untuk menghias perpustakaan dengan tema kemerdekaan. Persiapan ini telah dijalankan oleh semua staf dan juga pelajar praktikal.



PAMERAN NEGARAKU SEHATI SEJIWA

Oleh : Cik Hazlin Ibrahim Khan

Sempena Hari Kemerdekaan Malaysia ke 60, bertemakan Negaraku Sehati Sejiwa, Perpustakaan UiTM Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah mengambil inisiatif mengadakan pameran berkisarkan sejarah ke arah mencapai kemerdekaan, kisah disebalik lagu Negaraku dan Jalur Gemilang serta penubuhan Malaysia. Seiring dengan perkembangan isu semasa dan majoriti pengunjung perpustakaan di kalangan pelajar atau golongan remaja, diketengahkan juga informasi berkaitan Transformasi Nasional 2050 atau TN50 di mana Malaysia menyasarkan untuk menjadi antara negara teratas di tangga dunia dalam ekonomi, kesejahteraan rakyat dan inovasi.



MAJLIS PELANCARAN SAMBUTAN BULAN KEMERDEKAAN & HARI KEBANGSAAN ke- 60

Oleh : Cik Hazlin Ibrahim Khan

YBhg. Prof. Madya Sabariah Hj. Mahat, Rektor UiTM Cawangan Melaka merasmikan Pelancaran Sambutan Bulan Kemerdekaan dan Hari Kebangsaan Ke-60 Peringkat UiTM Cawangan Melaka yang diadakan di ruangan Santai Point, Perpustakaan UiTM Melaka. Majlis pelancaran ini menandakan bermulanya segala aktiviti yang telah dirancang sebagai pengisian sempena sambutan kemerdekaan dan Hari Malaysia di seluruh kampus UiTM Cawangan Melaka termasuk Perpustakaan UiTM Melaka yang turut mengambil bahagian.



SESI PERKONGSIAN SANTAI MEMBUDAYAKAN IQRA & ILMU FASA 1, (siri ke-3)

Oleh : Cik Hazlin Ibrahim Khan

Fakulti Perakaunan bersama Bahagian HEA dan Perpustakaan UiTM Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah sekali lagi telah mengadakan sesi perkongsian santai siri ke-3. Perkongsian kali ini telah di sampaikan oleh Dr. Rani Diana Othman, Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik yang bertajuk "Ikhtilat" petikan dari koleksi buku Tarbiah Sentap. Program ini telah berlangsung di ruangan Santai Point, Perpustakaan UiTM Cawangan Melaka Kampus Alor Gajah dan telah dihadiri oleh 85 orang warga UiTM Cawangan Melaka.



PROGRAM GAYA HIDUP SIHAT: 10,000 LANGKAH

Oleh : Cik Ilya Nur Fateen Othman



Pada 10 Ogos 2017, Pusat Sumber UiTM (Melaka) Kampus Bandaraya telah bekerjasama dengan Unit Kesihatan UiTM (Melaka) Kampus Bandaraya menganjurkan Program Gaya Hidup Sihat: 10,000 Langkah di Taman Botanikal Ayer Keroh Melaka. Program ini merupakan program bulanan UiTM (Melaka) Kampus Bandaraya. Seramai 57 orang staf telah mengikuti program tersebut.



PAMERAN & TAYANGAN 'BREAST CANCER'

Oleh : Cik Ilya Nur Fateen Othman



Pada 18 Ogos 2017, Pusat Sumber UiTM (Melaka) Kampus Bandaraya telah mengadakan pameran dan tayangan 'Breast Cancer'. Pameran ini diadakan sempena program Talk by National Cancer Society of Malaysia, Melaka yang di anjurkan oleh Bahagian Pentadbiran UiTM Kampus Bandaraya Melaka dengan kerjasama Unit Kesihatan UiTM Kampus Bandaraya Melaka. Pihak Pusat Sumber telah mengadakan kerjasama untuk mengadakan pameran pada hari tersebut.

PAMERAN KEMERDEKAAN SEMARAK MERDEKA

Oleh : Cik Ilya Nur Fateen Othman

Pada 25 Ogos 2017 sehingga 25 September 2017, Pusat Sumber UiTM (Melaka) Kampus Bandaraya telah mengadakan pameran Kemerdekaan Semarak Merdeka. Pameran ini diadakan sempena menyambut bulan Kemerdekaan & Hari Kebangsaan ke-60. Pameran ini diadakan untuk menaikkan semangat patriotik yang ada di dalam jiwa warga UiTM Cawagan Melaka yang bertemakan Negaraku Sehati Sejiwa. Pameran ini berlangsung selama sebulan sekali dengan sambutan Hari Malaysia pada 16 September 2017.



10,000 LANGKAH DI TAMAN BOTANIKAL, MELAKA

Oleh : Cik Nurayuni Dayana Nor Azman

Pada 4 Ogos yang lalu, Perpustakaan UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin dengan kerjasama unit Hal Ehwal Islam dan tajaan dari Pusat Kesihatan Al Zahrawi, UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin telah mengendalikan program Jom 10 000 langkah dengan tema Merdeka: Demi kesihatan untuk negara di Taman Botanikal Ayer Keroh, Melaka. Antara aktiviti yang dijalankan ialah berjalan di trek 10 000 langkah sambil mengibarkan bendera Jalur Gemilang. Seterusnya, peserta program dibahagikan kepada empat kumpulan bagi acara sukaneka. Majlis turut dimeriahkan dengan kehadiran Prof. Madya Sabariah Mahat, Rektor UiTM Melaka serta Prof. Madya Zakaria Hj Tajuddin, Penolong Rektor UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin yang hadir memberi semangat serta merasmikan program ini. Tahniah juga diucapkan buat semua warga UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin yang turut hadir beramai-ramai memeriahkan program ini. Semoga semangat kesukanan yang ditonjolkan oleh warga kampus sentiasa berterusan.



LAWATAN SEKOLAH KEBANGSAAN SERI MENDAPAT, MELAKA

Oleh : Cik Nurayuni Dayana Nor Azman

Pada 10 Ogos 2017, perpustakaan telah menerima seramai 25 orang pelajar tahun 6 dari Sekolah Kebangsaan Seri Mendapat, Melaka telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Perpustakaan UiTM Melaka Kampus Jasin. Cik Nurayuni Dayana (Pustakawan) telah memberikan taklimat ringkas selama 30 minit. Setelah itu, lawatan ke setiap Aras di perpustakaan di uruskan oleh staf perpustakaan.



BENGKEL PENGURUSAN RUJUKAN MENGGUNAKAN MENDELEY

Oleh : Cik Nurayuni Dayana Nor Azman

Perpustakaan UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin telah berjaya menganjurkan Bengkel Pengurusan Rujukan menggunakan Mendeley. Bengkel ini telah dilaksanakan selama sehari di Bilik Seminar perpustakaan dan dihadiri oleh 50 orang peserta termasuk kakitangan UiTM dan warga luar. Terima kasih diucapkan kepada Dr. Mohd Shafee Bakar selaku penasihat bengkel serta dibantu oleh Dr. Mohd Zuli Jaafar di atas segala panduan dan penerangan yang diberikan. Terima kasih diucapkan kepada semua peserta, semoga mendapat manfaat sepanjang bengkel berlangsung.



BENGKEL APLIKASI MICROSOFT WORD.DOTX

UNTUK PENULISAN TESIS

Oleh : Cik Nurayuni Dayana Nor Azman

Pada 17-18 Ogos yang lalu, Perpustakaan dengan kerjasama Unit Latihan UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin telah menganjurkan Bengkel Aplikasi Microsoft Word.dotx. Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk membantu peserta menggunakan Microsoft Word secara mahir dalam menghasilkan penulisan tesis yang lebih efisien dan mudah. Bengkel ini telah dihadiri seramai 25 orang peserta. Bengkel yang telah berlangsung selama dua hari ini telah dibimbing oleh Dr Mohd Zuli Jaafar. Semoga peserta mendapat manfaat sepanjang bengkel berlangsung.



**UiTM Cawangan Melaka
Kampus Jasin**
MCJ
Formatting Method
Since 2011

BENGKEL APLIKASI MS WORD.dotx
UNTUK PENULISAN TESIS

Template.docx	Thesis.docx
Idea Format Template.dotx	
MOHD ZULI BIN JAAFAR, PhD (MS DOTX Innovator and Trainer)	
Tarikh : 17-18 Ogos 2017 (Khamis & Jumaat) Masa : 8.30 pagi - 4.30 Petang	
Tempat : Bilik Seminar, Aras 2 Perpustakaan UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin	
Anjuran : UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin dengan kerjasama UALD UiTM Melaka	

Agenda :

- ✓ Format dari hari pertama hingga submit
- ✓ Template.dotx dan style
- ✓ Format gunakan Draft Mode
- ✓ Format Badan Tesis
- ✓ Format muka depan tesis
- ✓ Format Caption

BENGKEL ENDNOTE X8

Oleh : Cik Nurayuni Dayana Nor Azman

Perpustakaan telah menganjurkan Bengkel Pengurusan Rujukan menggunakan Endnote X8. Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk membantu peserta terutamanya warga UiTM serta mahasiswa UiTM dalam menguruskan rujukan dan sitasi dengan lebih mudah. Bengkel ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan, namun pihak pengajur terpaksa mengehadkan pengambilan peserta berikut kapasiti ruang yang disediakan hanya muat untuk 35 orang sahaja. Perpustakaan mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat sepanjang bengkel ini berlangsung. Diharapkan usaha ilmiah seperti ini dapat membantu dalam penyampaian ilmu yang berterusan. #jomkeperpustakaan

**UiTM Cawangan Melaka
Kampus Jasin**

EndNote X8
easily organise, annotate, and cite your sources

**PENGURUSAN RUJUKAN
MENGGUNAKAN EndNote X8**

SPEAKER : Dr Mohd Zuli Jaafar
Pensyarah Kanan, UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin

Yuran : RM50.00 (Normal)
: RM 30.00 (Staf dan Pelajar UiTM)
Special promotions

Percuma : SOFTWARE EndNote X8*

Yuran Termasuk 6% GST, Sarapan Pagi dan Makan Temuihari Nasi dan Sifil Penyantapan dari UiTM Cawangan Melaka
Pendaftaran Online di : <https:// goo.gl/nHep4>

Tarikh : 22 Ogos 2017 (Selasa)
Masa : 8.00 pagi- 5.00 Petang

Tempat : Bilik Seminar, Aras 2 Perpustakaan UiTM Kampus Jasin
Anjuran : Bahagian Perpustakaan UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin
dengan kerjasama Unit for Academic and Leadership Development

TERHAD KEPADA 40 PESERTA SAHAJA
SILA BAWA LAPTOP BERSAMA
ENQUIRY : +60 196875186 (ISMAYIL
mohdismayil@melaka.utm.edu.my)

Bayaran sebelum : 12 Ogos 2017
Kepada Bendahari UiTM
Bank Islam : 04033010022133

*Software Percuma untuk warga UiTM Selain



PERKONGSIAN ILMU TAZKIRAH DARI KITAB IHYA ULLUMUDIN

Oleh : Puan Norfitriah Bt Mat Seman

Perkongsian Ilmu Tazkirah dari Kitab Ihya Ullumudin yang di sampaikan oleh Ustazah Siti Yuhanis daripada bahagian Hal Ehwal Agama Islam, UiTM Cawangan Pahang, dengan tajuk Adab-Adab semasa Perkahwinan. Perkongsian Ilmu ini dijalankan sepanjang tahun dimana 2 kali sebulan setiap hari Jumaat. Banyak topik dan juga kisah teladan yang disampaikan secara ringkas dan mudah faham berpandukan Kitab tersebut. Perkongsian Ilmu ini juga dibuka penyertaan kepada semua Warga UiTM Cawangan Pahang. Tazkirah selama 1 jam dapat mengisi dan menjawab banyak persoalan yang melibatkan kehidupan seharian kita berdasarkan tajuk yang di kupaskan oleh penceramah.



TAKLIMAT PENGURUSAN ARKIB DAN REKOD DI UITM CAWANGAN DI ZON PANTAI TIMUR

Oleh : Puan Norfitriah Bt Mat Seman

Pada 09 – 10 Ogos 2017 yang lalu satu Taklimat Pengurusan Arkib Dan Rekod Di UiTM Cawangan Di Zon Pantai Timur telah diadakan di Perpustakaan Al-Bukhari Uitm Pahang oleh Jabatan Arkib Universiti Shah Alam. Para peserta yang hadir merupakan wakil dari setiap bahagian dan juga daripada Kampus Raub yang terlibat secara langsung di dalam pengurusan fail dan rekod di tempat masing-masing. Sesi lawatan diteruskan ke setiap bahagian bagi melihat dan memberi khidmat nasihat mengenai pengurusan rekod disamping melihat pengurusan bilik fail dan rekod yang dilaksanakan pada sebelah petang di Bahagian Hal Ehwal Akademik, Pejabat Pentadbiran, Bahagian Kewangan dan juga Unit Korporat. Semoga ilmu yang diberikan dapat dimanfaatkan sepenuhnya bagi menjaga keselamatan, kepentingan dan tempoh hayat fail & rekod.



KIBARAN JALUR GEMILANG PERPUSTAKAAN AL-BUKHARI, UiTM PAHANG SEMPENA MENYAMPUT KEMERDEKAAN 2017

Oleh : Puan Norfitriah Bt Mat Seman



Semangat sentiasa berkobar-kobar setiap kali menyambut Kemerdekaan. Semua warga Perpustakaan Al-Bukhari (PAB) akan bersama-sama menyerikan sekitar PAB 1 dan PAB 2 dengan kibaran jalur gemilang serta menyertai program-program kemerdekaan yang dianjurkan oleh pihak UiTM Cawangan Pahang seperti Swa-foto, Explorace merdeka dan banyak lagi.

PROGRAM OPERASI KHIDMAT MASYARAKAT (OPKIM) DIHATIKU USAHASAMA BERSAMA MPP UiTM SHAH ALAM & PERPUSTAKAAN AL-BUKHARI

Oleh : Puan Norfitriah Bt Mat Seman

Pada 23 Ogos 2017 yang lalu satu Program OPKIM usahasama Perpustakaan Al-Bukhari bersama MPP UiTM Shah Alam telah diadakan di Kompleks Sukan Daerah Bera. Program tersebut diisi dengan Taklimat MDAB dan peluang-peluang ke Pengajian Tinggi oleh MPP UiTM Shah Alam. Penduduk setempat dimeriahkan lagi dengan pameran-pameran daripada Jabatan dan Fakulti-Fakulti dari UiTM Shah Alam serta Organisasi luar seperti Kolej KPTM. Ujian kesihatan juga diberikan kepada penduduk setempat oleh Unit kesihatan UiTM Shah Alam. Selain itu Perpustakaan Al-Bukhari juga tidak melepaskan peluang keemasan tersebut dengan mengadakan Pameran Promosi Keahlilan Luar kepada kakitangan kerajaan serta penduduk setempat bagi menggunakan perkhidmatan Perpustakaan Al-Bukhari. Pameran tersebut telah diketuai oleh En Alias B Manap (Pembantu Pustakawan kanan) dan dibantu bersama En Ahmad Fadhil B. Mohd Yusof, En Mohd Firdaus B. Azmi dan En Mohd Ismail B. Zainudin (Pembantu Pustakawan) dengan jayanya.



PROGRAM PENGKISAHAN SEJARAH ASAL USUL JENGKA SEMPENA SAMBUTAN BULAN KEMERDEKAAN 2017

Oleh : Puan Norfitriah Bt Mat Seman



Pada 24 Ogos 2017 yang lalu satu Program Pengkisahan Sejarah Asal Usul Jengka Sempena Sambutan Bulan Kemerdekaan 2017 telah dianjurkan dengan kerjasama Perpustakaan Al-Bukhari dan Perpustakaan Awam Jengka. Program tersebut disemarakkan lagi semangat kemerdekaan dengan Forum Asal Usul Sejarah Jengka oleh Ahli Tokoh dan Panel Forum yang berpengalaman serta sama-sama berjuang dalam membangunkan Bandar Tun Abdul Razak Jengka. Program Dirasmikan oleh Tuan Haji Sabri B. Haji Idris, Setiausaha UMNO Bahagian Kuala Krau mewakili Y.B. Dato' Sri Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said, Timbalan Speaker Dewan Rakyat Ahli Parlimen Kuala Krau & Ketua Bahagian UMNO Kuala Krau. Penglibatan 4 buah Sekolah disekitar UiTM Cawangan Pahang telah memeriahkan lagi program tersebut tambahan dengan persembahan bercerita dan ucapan berirama oleh pelajar-pelajar sekolah berkenaan. Sepanjang berlangsungnya program terdapat juga pameran-pameran daripada agensi-agensi kerajaan sekitar Bandar Jengka. Perpustakaan Al-Bukhari juga mengambil kesempatan bagi mempromosikan Keahlian Luar Perpustakaan kepada guru-guru dan kakitangan yang terlibat sepanjang pameran dijalankan.



PERKONGSIAN ILMU: TAHSIN PERPUSTAKAAN TUN DR. ISMAIL

Oleh: Puan Siti Rozana binti Mat Sanat

22 Ogos 2017, Selasa: Bagi mengimbangi antara keperluan jasmani dan rohani, oleh itu tahnin dilaksanakan bertujuan untuk mendalami dan berkongsi ilmu tentang bacaan Al-Quran serta terjemahannya. Tahnin telah dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu staf lelaki dan perempuan. Tahnin untuk staf lelaki diadakan pada waktu pagi dimulakan dengan bacaan Al-fatihah seterusnya diikuti dengan surah Al-Kahfi dengan tenaga pengajar daripada Bahagian Hal Ehwal Islam, Al Fadhil Ustaz Azrullswan bin Abdull Raman. Sementara itu, bagi staf perempuan diadakan pada petang dan dimulai dengan mengulangkaji bacaan surah-surah lazim. Pengajian pada hari tersebut adalah bacaan surah Al-Kautsar dan surah Al-Maa'uun yang diketuai oleh Ustazah Siti Fatimah binti Abd Talib.



Program ini dilaksanakan khusus untuk staf PTDI UiTM Cawangan Johor dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Islam dan telah mendapat sambutan yang baik dari semua staf. Aktiviti berkala yang berlangsung selama satu jam setengah ini bertujuan untuk memantapkan bacaan Al-quran dan juga memahami maksudnya. Selain itu Ustaz dan Ustazah turut memberi tips-tips untuk melindungi diri dan keluarga serta memotivasi diri melalui petikan ayat dari surah-surah tertentu dari Al-quran.



Diharapkan dengan adanya aktiviti sebegini akan mengeratkan silaturahim sesama kakitangan PTDI. Semoga majlis yang telah diadakan tersebut mendapat berkat dan redha dari Allah.



PERKONGSIAN ILMU: TAZKIRAH BULANAN : 7 DOSA BESAR

Oleh: Puan Siti Rozana binti Mat Sanat

Tazkirah ini adalah program kerjasama antara PTDI dan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS). Dosa-dosa besar juga dikenali sebagai 'Al-Kaba'ir' yang membawa maksud segala hal yang dilarang Allah sebagaimana yang telah dijelaskan dalam Al-quran dan sunah serta para ulama salaf. Antara pengisian menarik yang dikongsikan bersama warga PTDI ialah mengenai sihir.



Terdapat beberapa jenis sihir yang boleh dikenal pasti puncanya seperti sihir melalui makanan atau minuman, sihir angin dan sebagainya. Selain itu, tazkirah ini juga turut membincangkan mengenai kesan-kesan yang akan berlaku kepada seseorang jika terkena sihir dan cara mengatasi sihir tersebut. Antara langkah-langkah yang dikongsikan bersama oleh Ustazah Norizan kepada staf PTDI untuk mengatasi sihir ialah dengan mengamalkan surah Al-Fatihah, Ayat Kursi dan Surah 3 Qul sebelum tidur.

LAWATAN & TAKLIMAT PERPUSTAKAAN: PENSYARAH FAKULTI PENGURUSAN HOTEL & PELANCONGAN UiTM CAWANGAN TERENGGANU (Siri 2)

Oleh: Cik Asmahani Abdullah

Seramai 21 orang pensyarah yang mengendalikan pelajar program Ijazah Sarjana Muda dari Fakulti Pengurusan Hotel & Pelancongan (FPHP) UiTM Cawangan Terengganu (UiTMCT) telah menyertai Lawatan dan Taklimat Perpustakaan Cendekiawan. Program ini merupakan inisiatif fakulti FPHP yang bertujuan untuk memberi pendedahan kepada para pensyarah mereka mengenai perkhidmatan dan kemudahan serta sumber-sumber yang ditawarkan oleh Perpustakaan Cendekiawan bagi menyokong pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan. Ia merupakan program kedua pihak fakulti FPHP selepas program pertama telah berjaya dilaksanakan pada Jun yang lalu.



Program ini dimulakan dengan sesi Taklimat & Kuiz Penggunaan Pangkalan Data Perpustakaan UiTM oleh Cik Asmahani Abdullah (Pustakawan Rujukan), seterusnya disusuli dengan sesi Library House Tour yang melibatkan penerangan dari semua ketua unit utama perpustakaan. Ianya kemudian berakhir dengan Bengkel Asas Perisian Mendeley yang dikendalikan oleh En. Shahrol Nizam Johol (Timbalan Ketua Pustakawan). Lawatan dan Taklimat Perpustakaan: Pensyarah FPHP UiTMCT Siri 2 yang bermula pada pukul 9.00 pagi hingga 2.30 petang ini telah mendapat maklumbalas yang positif daripada semua peserta yang hadir.



TAKLIMAT PENGURUSAN REKOD DAN ARKIB UiTM CAWANGAN TERENGGANU

Oleh: Cik Asmahani Abdullah

Jabatan Arkib Universiti (JAU) Perpustakaan Tun Abdul Razak dengan kerjasama Unit Arkib Perpustakaan Cendekiawan telah menganjurkan Taklimat Pengurusan Rekod dan Arkib UiTM Cawangan Terengganu (UiTMCT) pada 8 Ogos 2017, Selasa yang lalu. Program yang telah diadakan di Dewan Mawar, Unit Kualiti UiTMCT ini telah dihadiri oleh 31 orang peserta terdiri daripada wakil-wakil unit dan bahagian termasuk Kampus Bukit Besi dan Kuala Terengganu.



Sesi pertama taklimat telah dikendalikan oleh En. Arffin Jamaluddin, Timbalan Ketua Pustakawan merangkap Ketua Jabatan JAU menyentuh berkenaan peranan Unit Arkib Cawangan dan penyerahan rekod penting universiti. Lanya kemudian diteruskan dengan penerangan berkenaan pelaksanaan pengurusan rekod oleh En. Mohd Hazrul Mohd Hussin dan En. Abdul Razak bin Abdul Rahman yang masing-masing merupakan Pustakawan Kanan yang bertugas di JAU. Program yang dirasmikan oleh Prof. Madya Dr. Hj. Abdol Samad bin Nawi, Rektor UiTMCT ini berakhir dengan sesi lawatan ke bilik rekod Bahagian Pentadbiran, Bahagian Pengurusan Fasiliti, dan Pejabat Bendahari.



TAKLIMAT **PENGURUSAN ARKIB & REKOD UiTM CAWANGAN KELANTAN**

Oleh : Puan Nordelina Zulkarnain



Seramai lebih kurang 75 orang peserta merangkumi staf PTA dan wakil daripada setiap bahagian mengikuti Taklimat Pengurusan Arkib dan Rekod Anjuran Unit Arkib , Perpustakaan Tengku Anis, UiTMCK. Taklimat ini adalah bertujuan memberi pemahaman mewujudkan kesedaran kepada semua peserta berkaitan dengan peranan dan tanggungjawab Unit Arkib di UiTM Cawangan Kelantan serta memberi khidmat nasihat dan taklimat mengenai pengurusan Rekod dan Arkib di UiTM Cawangan. Taklimat disampaikan oleh Encik Ariffin Jamaluddin, Timbalan Ketua Pustakawan Jabatan Arkib Universiti , Encik Mohd Hazrul Mohd Hussin dan Encik Abdul Razak Bin Abdul Rahman, Pustakawan Kanan (Jabatan Arkib Universiti). Selain taklimat , para pegawai Jabatan Arkib Universiti juga melaku Lawatan Inspektorat Pengurusan Arkib Universiti ke bahagian terpilih iaitu Bahagian Pentadbiran, Bahagian HEA , Bahagian HEP UiTM Cawangan Kelantan.

KARNIVAL **SUKAN STAF PERPUSTAKAAN TENGKU ANIS**

Oleh : Puan Nordelina Zulkarnain



Bagi menyokong hasrat kerajaan untuk melahirkan penjawat awam yang sihat dan cergas , pihak PTA telah menganjurkan Karnival Sukan PTA yang berlangsung pada 21 sehingga 27 Ogos yang lalu. Karnival sukan ini melibatkan semua staf PTA dan juga pelajar latihan industri. Antara pertandingan yang diperlombakan ialah ping pong, dart , senaman zumba , berbasikal , badminton dan juga karom. Semua pertandingan dijalankan dalam bentuk kumpulan. Selain membudayakan gaya hidup sihat, pengajuran Karnival Sukan ini berjaya mengeratkan silaturahim antara staf dan juga mengukuhkan semangat kerja berpasukan dalam organisasi.

PEMERIKSAAN KESIHATAN

Oleh: Puan Zuraida Abdul Karim



Unit Kesihatan UiTM Cawangan Sarawak telah menganjurkan Pemeriksaan Kesihatan pada 8 Ogos 2017 yang lalu. Program ini diketuai oleh Dr. Mohd Khairol Hambli (Pegawai Perubatan) dan dibantu oleh beberapa orang jururawat. Program yang telah diadakan bertempat di Ruang Bacaan PTAR Kampus Samarahan 2 ini dihadiri oleh semua staf PTAR dan staf dari bahagian lain. Semoga program ini memberi manfaat kepada semua yang hadir.

BENGKEL PENGURUSAN LAMAN WEB MEDIA SOSIAL PUiTM SeMALAYSIA

Oleh: Puan Zuraida Abdul Karim



Bengkel Pengurusan Media Sosial PUiTM SeMalaysia anjuran PTAR UiTM Shah Alam telah dihadiri oleh dua (2) orang staf PTAR UiTM Cawangan Sarawak iaitu En Abang Mohd Farizan Abg Yakup (Pustakawan) dan En Mohd Hairruddine Suip (Pembantu Pustakawan). Bengkel yang diadakan pada 15 hingga 16 Ogos itu bertujuan untuk membangunkan laman media sosial di Perpustakaan cawangan. Bengkel ini telah dibuat di Pusat IT, PTAR Utama Shah Alam. Semoga dengan perkongsian ilmu selama 2 hari ini dapat memberi manfaat kepada PTAR UiTM Cawangan Sarawak dalam mengawal-selia media sosial yang dibangunkan.

LAWATAN PENANDAARASAN 5S KE AGENSI BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA WILAYAH SARAWAK

Oleh: Puan Zuraida Abdul Karim



Jawatankuasa 5S PTAR UiTM Cawangan Sarawak telah mengadakan Lawatan Penandaarasan 5S ke Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia (ABPM) Wilayah Sarawak pada 16 Ogos 2017 yang lalu. Lawatan ini disertai 14 orang kakitangan yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan PTAR UiTM Sarawak.



Objektif lawatan ini diadakan adalah untuk mempelajari dan menimba pengalaman mengenai amalan 5S yang diamalkan di ABPM Wilayah Sarawak, melihat secara lebih dekat perlaksanaan amalan 5S yang diamalkan di ABPM Wilayah Sarawak serta menambah pengetahuan mengenai budaya amalan 5S. Ketibaan kami disambut oleh PgKB II Mohamad Fauzi Bin Hj Mohamat Kifli, Komandan ABPM Wilayah Sarawak dan pegawai-pegawai. Terima kasih diucapkan kepada ABPM Wilayah Sarawak di atas kesudian menerima kunjungan daripada warga kerja PTAR UiTM Sarawak.

LAWATAN PENANDAARASAN EKSA PTAR KE JABATAN PENDAFTARAN NEGARA NEGERI SARAWAK

Oleh: Puan Zuraida Abdul Karim

Jawatankuasa 5S PTAR UiTM Cawangan Sarawak telah mengadakan Lawatan Penandaarasan EKSA ke Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) Negeri Sarawak pada 17 Ogos 2017 yang lalu. Objektif lawatan ini adalah bertujuan berkongsi pengalaman dan knowledge sharing dalam amalan budaya 5S di JPN Negeri Sarawak.



Selain daripada itu juga lawatan ini dapat mengeratkan lagi tali silaturahim diantara JPN Negeri Sarawak dengan PTAR UiTM Cawangan Sarawak. Terima kasih di atas perkongsian ilmu dan sambutan yang amat baik daripada JPN Negeri Sarawak.

BENGKEL SISTEM PERPUSTAKAAN WEB-BASED LIBRARY SYSTEM (WILS)

Oleh: Puan Zuraida Abdul Karim

Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Sarawak telah menganjurkan Bengkel Sistem Perpustakaan Web-Based Integrated Library System (WILS) untuk staf PTAR Sarawak pada 14 hingga 18 Ogos. Salah satu objektif mengadakan bengkel tersebut ialah untuk memberi pendedahan penggunaan dan penyelenggaraan kepada staf terhadap Sistem Perpustakaan WILS dengan lebih mendalam. Bengkel yang diadakan bertempat di PTAR Kampus Samarahan 2 ini telah dihadiri oleh Pustakawan dari PTAR Induk sebagai penceramah jemputan iaitu Pn. Nurul Aida Noor Azizi, Cik Nik Zatihulwani Jamaludin dan Pn. Siti Salwa A.Rahman serta semua staf PTAR UiTM Cawangan Sarawak.



LAWATAN SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN BELADIN KE PTAR KAMPUS SAMARAHAN

Oleh: Puan Zuraida Abdul Karim

Perpustakaan Tun Abdul Razak Cawangan Sarawak Kampus Samarahan 1 dan 2 telah menerima kunjungan daripada pelajar-pelajar dan guru-guru dari beberapa buah sekolah pada bulan Ogos 2017 yang lalu. Pelawat-pelawat telah diberi taklimat ringkas dan dibawa melawat sekitar bangunan Perpustakaan.



Antara sekolah-sekolah yang membuat lawatan termasuklah :

- A. SMK Beladin, Betong | 24 Ogos 2017
- B. SMK Kanowit, Sibu | 28 Ogos 2017